


(<https://news.usm.my>)


Berita Mutakhir

11 APR PEMANTAPAN SISTEM PENGURUSAN BAKAT MELALUI MyHR@USM



USM, PULAU PINANG, 11 April 2017 – Pendaftar Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dato' Dr. Abd. Aziz Tajuddin telah mengadakan sesi Pendengaran Awam (TownHall session) bersama Pegawai Tadbir USM Siri 1/2017 bertemakan “Realising Transformation: Strengthening Human Resource”.

Pemantapan sistem pengurusan bakat ini adalah melalui penggunaan sistem MyHR@USM yang (<mailto:MyHR@USM> yang) lebih komprehensif serta data dan maklumatnya adalah ‘real time’.



Melalui penggunaan sistem ini juga, data keseluruhan bakat di USM akan dikemaskini dari semasa ke semasa temasuk permohonan cuti bagi setiap kategori seperti cuti bersalin, belajar, sabatikal, penyelidikan, kecemasan dan rehat serta keseluruhan bakat untuk setiap Pusat Tanggungjawab.



Pendaftar juga menerangkan kepada semua mengenai Flexible Scheme For Retired Scholars (FSRS) melalui 4 Tracks iaitu bagi mengekalkan bakat staf akademik selepas bersara secara lantikan, panduan pelaksanaan sistem laporan penilaian prestasi (LPP), Dasar Pemisah (Exit Policy) dan Arahan

Perbendaharaan (AP59).

Lebih daripada 100 Pegawai Tadbir USM hadir dalam sesi Pendengaran Awam ini termasuk Pengarah Bahagian Sumber Manusia USM, Dr. Musa Ali.

Teks: Nor Rafizah Md. Zain



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015